



Ruj.Kami : ANM.JB(A)70/01 Jld 4(50)  
Tarikh : 3 Ogos 2022  
5 Muharam 1444H

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **SURAT PERINGATAN : TINDAKAN KE ATAS PINDAHAN DANA ELEKTRONIK (EFT) DITOLAK/CEK TERBATAL SEHINGGA 31 JULAI 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, didapati terdapat transaksi Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak/Cek Terbatal bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan yang masih belum dibuat tindakan penggantian/pelarasan sehingga 30 Jun 2022 seperti di Lampiran. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018, Tatacara Pengurusan Bayaran – Lampiran F Para 2.2, semua PTJ adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan ke atas semua transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal seperti berikut :

- 2.1 Menyemak transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal dan sebab penolakan melalui Laporan EFT Ditolak/Cek Terbatal Yang Belum Diganti melalui sistem iGFMS secara harian;
- 2.2 Sekiranya terdapat transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal, kenalpasti sama ada terdapat keperluan tindakan penggantian/pelarasan;
- 2.3 Tindakan penggantian atau pelarasan (tanpa penggantian) hendaklah dilakukan **dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembatalan EFT/Cek** seperti berikut:

#### **A. Dengan Penggantian**

- i. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2016 sehingga 2017, PTJ hendaklah mengemukakan permohonan penggantian ke jabatan ini dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :
  - a. Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal
  - b. Salinan Buku Akaun/Penyata Bank yang aktif dan terkini
  - c. Salinan Kad pengenalan/ surat pengesahan daripada SSM
  - d. Salinan baucar bayaran berkaitan yang telah disahkan

- ii. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2018 sehingga tahun semasa, PTJ hendaklah mengambil tindakan penggantian dengan menyediakan Arahan Pembayaran EFT Terbatal (K9) beserta Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal dan dokumen sokongan yang lengkap (Rujuk MPK-AP 15: Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan Bagi Pembatalan EFT Dan Penggantian EFT Batal dan MPK AP 17: Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan Bagi Pembatalan Dan Penggantian Cek Batal).

## **B. Pelarasan (Tanpa Penggantian)**

- i. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2016 hingga 2017, PTJ hendaklah mengemukakan permohonan pelarasan ke jabatan ini dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :
  - a. Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal; dan
  - b. Salinan Arahan Pembayaran atau surat pembatalan program atau surat pengesahan tidak akan membuat tuntutan EFT Ditolak/Cek Terbatal (bagi penerima asal yang tidak mahu membuat sebarang tuntutan) atau lain-lain dokumen berkaitan yang telah disahkan.
- ii. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2018 sehingga tahun semasa, PTJ hendaklah mengambil tindakan pelarasan dengan menyediakan Baucar Jurnal (KJ – Jurnal Pelarasan Pembatalan Cek/EFT) ke Vot/ Hasil/ Amanah beserta Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal dan dokumen sokongan yang lengkap (Rujuk MPK-AP 20: Proses Penyediaan Baucar Jurnal).

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di Para 2 dan mengemaskini status tindakan yang telah diambil ke atas semua transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal selewat-lewatnya pada **15 Ogos 2022 (Isnin)** melalui pautan berikut: [https://docs.google.com/spreadsheets/d/19XgXtAZCHoZJ5xaP0k7tscybkmo6hAf8rIJ6DSiH\\_z8o/edit?usp=sharing](https://docs.google.com/spreadsheets/d/19XgXtAZCHoZJ5xaP0k7tscybkmo6hAf8rIJ6DSiH_z8o/edit?usp=sharing). Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Nuruasikin binti Noordin melalui telefon 07-2249244 sambungan 1167 atau secara e-mel [nuruasikin.noordin@anm.gov.my](mailto:nuruasikin.noordin@anm.gov.my).

4. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI ZUBAIDAH BINTI MD SHAH C.A.(M))  
b/p Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor